




ASRIZAM BIN ESAM



ASRIZAM BIN ESAM bermastautin di Kajang Selangor, telah berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik selama 16 tahun di Universiti Putra Malaysia dan terlibat di dalam pemasaran serta pemindahan teknologi kepada pihak industri. Jurusan komputer sains ini baharu berkecimpung di dalam dunia penulisan kreatif selain menghasilkan artikel ilmiah serta artikel inovasi UPM. Aktif menyertai pertandingan inovasi, beliau turut menggunakan penulisan kreatif semasa penjurian inovasi dan memenangi beberapa anugerah persembahan terbaik peringkat universiti awam. Mula berjinak di dunia penulisan puisi dengan penghasilan puisi di dalam Antologi Puisi Garapan Inovasi Pejabat TNCP1 UPM, Lasykar Puisi Alam Melayu UNISZA, Ekspresi Merdeka Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Apresiasi Puisi Kemanusiaan Sedunia PEMUJISI, Sepilihan Puisi Bukan, termasuk juga Anekdote Pasar Kehidupan dan Cerpen Kisah Futures UNDP.

KISAH 3 LANGIT

Setiap kali terpancang wajah langit, terimbau kenangan 3 tahun yang berlalu. Kisah 3 Langit. Memori bermula tatkala langit cerah disimbahi cahaya matahari petang, kisah tiga orang pekerja, Zam, Sharn dan Jlat dengan peluh berjirai membasahi dahi, pipi dan baju. Kisah perjalanan kumpulan inovasi yang lahir dari inspirasi "Langit", pengalaman keperitan di bawah langit diselimuti hawa panas terik mentari.

Keringat di dalam melaksana tugas yang diamanah, cukup perit tambahan pula lanya kerja di luar pejabat, buat pekerja separa gomen ini. Memerah tenaga dengan memasang gegantung atau *bunting* ikan yang akan digantung pada tiang lampu di tepi jalanan sempit, yang terkadang terhalang penghadang jalan, longkang dalam dan pokok bunga tajam. Tidak semua dapat merasai kesukarannya. Selalunya pekerjaan di pejabat tetapi tugasan sebegini memaksa untuk turun di jalanan menyelesaikan misi setiap kali adanya acara atau program di jabatan ini.

Ahh.. dengan jerih payah ini telah membangkitkan idea mencipta sesuatu untuk menamatkan kesengsaraan kecil ini. Setelah beberapa purnama mengerah idea, akhirnya sesuatu telah terhasil dan benar-benar memudahkan kerja. Tidak tersangka ilham di bawah tiang lantera, tepian longkang di bawah langit senja, mencetuskan idea inovasi ini. Inovasi mudah yang bakal menamatkan kesukaran masalah terpencil ini.

Kita perlukan satu kumpulan untuk merealisasikan idea ini! Lantas terbitlah nama "Langit Putra" yang berjaya dicetuskan. Dari bertiga, kini telah berkembang menjadi tujuh orang bagi memperkuat semangat dan menambah kekuatan kepakaran "Langit" ini. Dengan penuh iltizam, minat mendalam dan tekad untuk memudahkan kerja, minda bersama dikerah segera untuk mencari cetusan idea inovasi yang lebih efektif. Tahun itu, percubaan pertama dengan cetusan idea langit pertama iaitu "Pengkikat Langit" atau digelar *Skytider* berjaya dicetus.

SKYTIDER PENGIKAT LANGIT

Mata tertancap pada lukisan tangan arca inovasi *Skytider* yang tergantung di dinding. Kagum juga kenangan pertama inovasi kecil ini mampu terpanam di Galeri Serdang sempena pameran NYAWA UPM yang menggabungkan seni dan sains. *Sky-tired-er*, nama inovasi yang tercetus